

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
PADA MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA
MESYUARAT JEMAAH DATO-DATO PERLIS
DI HOTEL PUTRA PALACE, KANGAR
PADA 14 JANUARI 2010

Bismillahirrahmanirrahim

Mengadap Raja Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, dan Raja Perempuan Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin menyembah takzim, merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat dan menyerikan majlis santapan malam sempena Mesyuarat Jemaah Dato-Dato Perlis pada malam ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua ke majlis ini amat besar ertinya buat kami semua, ibarat kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan.

Ampun tuanku

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khaleel, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada malam ini menambahkan lagi kemeriahan serta keceriaan kepada kami warga UniMAP.

Patik juga bagi pihak Pengurusan UniMAP dan warga UniMAP keseluruhannya ingin mengambil peluang dan kesempatan ini untuk merakamkan sembah junjungan tahniah di atas ulang tahun Keputeraan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis yang baru berlalu. Dirgahayu Tuanku !

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalin. Ampun Tuanku.

SALUTATION :

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Y.Bhg Datin Seri,

Yang Amat Mulia, Tengku Puteri Mahkota Sharifah Fazira Binti Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Yang Amat Berbahagia Dato' Paduka Haji Mohamad Yaacob

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Datin

Yang Berhormat Dato' Mohamad Zabidi Zainal , Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Datin

Yang Berhormat Tuan Abdul Rasid Sudin, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis dan Isteri

Ahli-ahli Yang Berhormat dan isteri

Yg Bhg. Jeneral Bersara Datuk Seri Che Mad Noor Bin Md Arshad, Presiden Jemaah Dato'-Dato' Perlis

Yg Berbahagia Ahli Jemaah Dato'-Dato' Perlis dan Isteri

Yg. Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji
Hussain, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia
Perlis,

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua
Jabatan seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan syukur kehadiran Allah Subhanahuwataala yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan kita keupayaan hingga membolehkan kita sama-sama berkumpul memeriahkan Majlis Santapan Malam sempena Mesyuarat Jemaah Dato-Dato Perlis.

Sesungguhnya kami amat berbesar hati kerana dapat menerima kunjungan ahli Jemaah Dato-Dato Perlis sekaliannya untuk mengadakan mesyuarat di kampus UniMAP seterusnya menghadiri jamuan santapan malam yang tidak seberapa ini.

Besarliah harapan kami, agar ahli Jemaah Dato-dato sekalian berpuas hati dan gembira dengan layanan yang telah kami berikan ini.

Dikesempatan ini juga, saya rasa masih belum terlewat untuk saya mengutuskan salam Tahun Baru 2010 buat sekalian yang hadir pada malam ini. Semoga tahun baru ini akan menjanjikan masa depan yang lebih gemilang untuk kita semua.

Yg. Bhg. Dato-Dato, hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP atau dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) mula ditubuhkan

pada tahun 2002 yang mana pada tahun ini ia bakal menginjak ke usia lapan tahun.

Jika ditransformkan usia UniMAP kepada usia manusia – lapan tahun masih belum diklasifikasikan sebagai usia yang “matang”. Pada usia ini, seorang manusia masih lagi bergelar kanak-kanak yang sedang menuntut dalam tahun dua dan belum banyak ilmu yang dipelajarinya.

Pada usia ini juga kanak-kanak tidak tahu apa matlamat dan hala tuju hidupnya sebaliknya sebahagian besar masa dihabiskan hanya untuk bermain dan bersuka ria.

Tetapi itu ialah fitrah manusia dan bukannya UniMAP. UniMAP merupakan sebuah gedung ilmu dan sesuai dengan statusnya itu UniMAP tidak boleh bersuka ria atau membuang masa begitu sahaja.

Ia juga selaras dengan hasrat kerajaan sendiri yang mana penubuhan diharap dapat menjadi pencetus dan penggerak kepada pembangunan yang holistik dimana jua ianya ditubuhkan.

Falsafah pendidikan kebangsaan juga memberikan tumpuan khusus untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

Dan bagi kami, sejak sedari awal penubuhan lagi, UniMAP sudah mempunyai misi dan visi yang jelas selain kita juga turut menetapkan hala tuju dan sasaran untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Matlamatnya hanya satu, untuk menghasilkan masyarakat dan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta bekemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan.

Yang Bhg. Dato-Dato hadirin dan hadirat sekalian,

Kewujudan UniMAP bukanlah semata-mata sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang melahirkan graduan-graduan berijazah sahaja, malah kewujudan UniMAP turut mengubah landskap dan senario negeri Perlis.

Sebagai sebuah negeri kecil dan merupakan yang paling utara di Malaysia, Perlis hanya bergantung kepada sumber dari Kerajaan Pusat, maka kehadiran UniMAP seumpama emas yang gugur dari langit membantu menyemarakkan pembangunan fizikal dan mengembang kegiatan ekonomi di negeri Perlis.

Tidak sedikit bakti dan sumbangan yang telah UniMAP taburkan untuk pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan pendidikan di negeri ini. Dan semua ini

khusus untuk melahirkan generasi baru Perlis yang berilmu dan berkemahiran tinggi seterusnya mempersiapkan mereka untuk berdepan dengan cabaran di masa akan datang.

Dari aspek **PENDIDIKAN**, UniMAP mengamalkan pendekatan Sekolah angkat untuk pembangunan modal insan di Perlis. Sebanyak empat buah sekolah dijadikan anak angkat UniMAP iaitu Sekolah Menengah Teknik Arau, Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Sekolah Menengah Agama Perempuan Arau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin.

Tidak ketinggalan, kita juga turut menjalankan pelbagai MOU dengan agensi pendidikan di negeri ini khusus untuk memudahkan lagi proses saluran ilmu dan perkongsian kepakaran.

Jika dilihat dari aspek **EKONOMI** pula, kewujudan UniMAP nyata membuka peluang buat anak-anak negeri Perlis mencurahkan keringat dan bakti sebagai kakitangan Universiti.

Berdasarkan statistik, sehingga tahun 2009, 40.6 peratus atau 635 kakitangan UniMAP merupakan anak jati Perlis yang mana 10.1 % daripanya berkhidmat dalam kategori Pengurusan dan Profesional.

Dan sebagai kampus teragih, dan demi kemakmuran negeri Perlis, pengurusan UniMAP telah memutuskan agar agihan pendapatan universiti ini memberi tempas kepada seluruh masyarakat Perlis.

Oleh itu, perancangan menyewa premis di segenap pelusuk negeri sebagai pusat pentadbiran dan akademik UniMAP meliputi 18 buah bangunan, 211 lot rumah kedai, 1 buah kilang dan 522 buah rumah yang melibatkan kos **RM76,839,513.06** telah memberi pendapatan kepada pemaju lot kedai ,perumahan dan , pemilik tanah termasuk pengusaha pengangkutan bas sejak tahun 2002 hingga 2009.

Bidang **SUKAN** turut memberi sumbangan yang agak membanggakan apabila skuad bola sepak Perlis yang majoritinya diwakili oleh staf dan pelajar UniMAP berjaya menamatkan kemarau 13 tahun selepas menumpaskan Kedah dalam perlawanan akhir Puncak Piala Emas Raja-Raja yang berlangsung 28 Disember lalu sekali gus memastikan Piala Kebanggaan dan Kemegahan itu menjadi hak mutlak Perlis Indera Kayangan.

Yg Bhg. Dato-dato, hadirin dan hadirat sekalian,

Jika hendak disenaraikan satu persatu sumbangan UniMAP ini, pastinya ia akan mengambil masa yang panjang.

Justeru untuk memudahkan dan menjimatkan masa, kami telah sediakan satu persembahan multimedia khusus yang akan ditayangkan sebentar lagi.

Tidak ketinggalan, sumbangan dan pencapaian UniMAP di Perlis ini juga telah kami jilidkan dalam bentuk naskhah berjudul **“UniMAP Menjana Pembangunan Holistik Negeri Perlis”** sebagai rujukan.

Semoga UniMAP akan terus menjana pembangunan di negeri Perlis ini dan besarlah harapan kami untuk terus mendapat sokongan dan kerjasama dari semua pihak.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli-Duli tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat ke majlis ini.

Patik juga merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang turut memeriahkan majlis ini dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum wbt.